KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	13/1/2022 (KHAMIS)	MUKA SURAT	:	16
JABATAN	:	PERHILITAN			

BH
13.1.2022_16

Perhilitan kesan tiga harimau di kampung Orang Asli

Kota Bharu: Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Kelantan mengesan tiga harimau belang yang berkeliaran di perkampungan Orang Asli di Gua Musang.

Pengarahnya, Mohamad Hafid Rohani, berkata setakat ini sejumlah harimau itu yang dikesan di Pos Bihai dan kawasan sekitarnya.

Beliau turut menafikan dakwaan bahawa terdapat 11 harimau belang di perkampungan Orang Asli.

Katanya, pasukannya akan terus membuat pemantauan dan memasang perangkap yang dilengkapi kamera di Kampung Tendrik dan Kampung Hak di Pos Bihai.

"Walaupun sudah memasang kamera, kita sukar menangkap gambar haiwan itu memandangkan ia bergerak dengan cepat dari satu lokasi ke lokasi yang lain.

"Perhilitan dengan kekuatan 15 anggota akan terus berusaha menangkap harimau belang ini bagi mengelak ia terus menganggu dan mengancam penduduk kampung.

"Selain itu, orang ramai diharap tidak menyebarkan maklumat yang tidak benar kerana ia akan menimbulkan kebimbangan kepada penduduk," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Mohamad Hafid berkata, pihaknya juga akan menempatkan anggota bagi memberi taklimat perkembangan setiap hari kepada penduduk Orang Asli bagi menghilangkan keresahan mereka

"Kita juga sentiasa mengingatkan mereka untuk sentiasa berada di dalam rumah dan elak keluar ke hutan bagi menjamin keselamatan.

"Tidak tahu haiwan ini berada di lokasi mana, namun kita berharap ia dapat ditangkap dalam masa terdekat," katanya.

Media sebelum ini melaporkan, seorang lelaki Orang Asli maut dibaham harimau di Kampung Sau dekat Pos Bihai, Jumaat lalu.

Anek Along dikatakan sedang menumbuk padi huma bersama anak perempuannya di belakang rumah ketika haiwan itu muncul pada jam 9.10 pagi.

Sementara itu, Timbalan Menteri Besar Kelantan, Datuk Mohd Amar Nik Abdullah, berkata kedatangan harimau ke kampung di sekitar Pos Bihai, Gua Musang bukan disebabkan pembalakan hingga menyebabkan haiwan itu berkeliaran di kawasan penduduk.